POLITEKNIK MALAYSIA SULTAN AZLAN SHAH

KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI

MPP MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR

EDISI

# KE-9



MPP MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR
POLITEKNIK SULTAN AZLAN SHAH



# BULETIN MPP

POLITEKNIK SULTAN AZLAN SHAH



e ISSN 3030-5373
9 773030 537006



MALAYSIA MADANI
TVET
POLYCC

mppppsas15@gmail.com @mppppsas

Diterbitkan oleh :
Politeknik Sultan Azlan Shah
Behrang Stesen
35950 Behrang , Perak
Tel : 05-4544431
Fax : 05-4544993
Email : mpppsas15@gmail.com

Terbitan kedua 2024. Hakcipta terpelihara
Diterbitkan secara tahunan.

Tidak dibenarkan mencetak semula mana-mana bahagian artikel , ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik , fotokopi , mekanik , rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Politeknik Sultan Azlan Shah .

**PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA**
Buletin MPP Politeknik Sultan Azlan Shah
eISSN : 3030-5373

*Dengan Ingatan Tulus Ikhlas*

**Kepada**

# KANDUNGAN


1| Sidang Redaksi

2| Tinta Aspirasi Pengarah PSAS

3| Sekapur Sireh Seulas Pinang Ketua Jabatan Hal Ehwal Pelajar

4| Mutiara Kata Penasihat Majlis Perwakilan Pelajar

5| Pengenalan Majlis Perwakilan Pelajar

6| Carta Organisasi Majlis Perwakilan Pelajar ( MPP )

9| Aktiviti dan Program Majlis Perwakilan Pelajar ( MPP )

30| Carta Organisasi Jawatankuasa Pelajar Kolej Kediaman ( JPKK )

33| Aktiviti dan Program Jawatankuasa Pelajar Kolej Kediaman ( JPKK )

45| Carta Organisasi Pembimbing Rakan Siswa Politeknik ( PRSP )

47| Aktiviti dan Program Pembimbing Rakan Siswa Politeknik ( PRSP )

59| Carta Organisasi Rakan Pusat Islam ( RAPI )

61| Aktiviti dan Program Rakan Pusat Islam ( RAPI )

69| Pencapaian Ahli Majlis Perwakilan Pelajar ( MPP )

74| Galeri MPP

80| Tayangan video korporat




# SIDANG REDAKSI
# BULETIN MPP EDISI KE - 9


**PENAUNG 1**
TS. MOHD ZULKEFLI BIN IBRAHIM

**PENAUNG 2**
MOHD SYAHNAN BIN MD ZAIN

**PENASIHAT**
CIK NORDIN BIN NAYAN
NOR HIDAYAH BINTI AB WAHAB
MOHD NAZRI BIN HAJI DAROS

**KETUA EDITOR & PEREKA GRAFIK**
NUR AMINA SYAZANA BINTI MOHD SOHIMI
NUR ATHIRAH AMIERA BINTI HAFIZUDIN

**EDITOR**
ANIS SYAFIQAH BINTI MOHD FAIZ
NURUL NAFEESYA ADRYEA BINTI KAMAROL SANI
NURALYSIA TASNIM BINTI NOOR AZMI
NUR HIDAYAH BINTI NOR AZMI
MUHAMMAD UMAR BIN ZAINUDIN
MUHAMMAD FAIZ ASYRAFF BIN ROSDI
CHRISTOPHER A/L S PANNERSELVAM
ANIS AQILAH BINTI NOOR AZHAR
NIK NURUL RUSYDINA BINTI NIK MOHD RAFIZA
MUHAMMAD AMIRUL ASHRAF BIN ROSDI
ADHWA' MAISARAH BINTI JUWITA
MUHAMMAD NASRUN NAJID BIN NASRUDDIN
NORSHAWANIE BINTI SHALIHIN
HAFIZUDDIN BIN ZAINUDDIN
NUR HANIM BINTI NA'IM
NUR ANIS NAZIRAH BINTI SAHRUL HISHAM
NUR AINA NATASYA BINTI SAMSUDIN




# TINTA ASPIRASI PENGARAH POLITEKNIK SULTAN AZLAN SHAH

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam Malaysia Madani .

Segala puji ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurniaNya saya diberi peluang oleh Sidang Redaksi Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) untuk menukilkan kata-kata di dalam Buletin Majlis Perwakilan Pelajar Edisi ke - 9. Syabas dan tahniah kepada pihak sidang redaksi yang terlibat dalam menjayakan dan menerbitkan Buletin Majlis Perwakilan Pelajar Edisi ke -9. Dengan ada buletin ini ianya menjadi satu wadah untuk masing-masing berkongsi berita serta perihal kepelbagaian aktiviti yang menarik yang telah dilaksanakan di PSAS.

Dikesempatan ini, saya juga ingin merakamkan ribuan terima kasih kepada MPP dan kelab utama PSAS dalam usaha membantu pihak pengurusan menjaga kebajikan pelajar dan menjalankan aktiviti-aktiviti untuk para pelajar. Dengan ada nya buletin ini, kita dapat melihat pelbagai idea dan perancangan baik yang telah dilaksanakan oleh MPP.



Sebagai sebuah institusi yang menjadi tonggak kepada pembangunan modal insan, politeknik memainkan peranan penting dalam melahirkan graduan yang berdaya saing, inovatif dan mampu menghadapi cabaran dunia yang semakin kompleks. Saya percaya setiap dari kita (pensyarah, staf sokongan dan pelajar) adalah aset berharga yang membawa kepada kemajuan institusi.

Mutakhir ini, kemenjadian pelajar bukan hanya diukur berdasarkan kejayaan akademik semata-mata tetapi juga merangkumi aspek aktif di dalam pelbagai aktiviti yang disertai. Pelajar haruslah seimbang ketika di dalam mahupun diluar kelas. Sebagai pelajar politeknik, keseimbangan ini amat penting kerana mereka bukan sahaja perlu menguasai kemahiran teknikal dalam bidang masing-masing tetapi juga perlu membina kemahiran insaniah seperti kepimpinan, komunikasi, dan kerja berpasukan. Aktiviti seperti penyertaan dalam persatuan, pertandingan inovasi, projek komuniti serta kolaborasi bersama industri adalah platform terbaik bagi pelajar untuk mengembangkan potensi diri.

Akhir kalam,saya mengharapkan semoga dengan terbitnya buletin ini kesinambungan kecemerlangan dalam aktiviti dan kegemilangan prestasi akademik buat semua pelajar PSAS meningkat. Untuk kesekian kalinya saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak Sidang Redaksi kerana telah berjaya menerbitkan Buletin Majlis Perwakilan Pelajar Edisi ke -9. Semoga para pelajar Politeknik Sultan Azlan Shah dapat menggunakan platform MPP sebagai suatu nilai tambah kepada diri,masyarakat, bangsa dan agama.

Sekian,terima kasih .

TS. MOHD ZULKEFLI BIN IBRAHIM
PENGARAH
POLITEKNIK SULTAN AZLAN SHAH

# SEKAPUR SIREH SEULAS PINANG KETUA JABATAN HAL EHWAL PELAJAR

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Syukur alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran saya rafakkan ke hadrat Allah SWT kerana dengan rahmat dan inayah Nya jua dapat kita saksikan penerbitan Buletin Majlis Perwakilan Pelajar Edisi ke -9 pada tahun ini. Diharapkan dengan terbitnya buletin ini maka para pelajar dapat menjadi wahana sebagai rujukan di masa hadapan. Dikesempatan ini saya juga ingin merakamkan ribuan terima kasih dan tahniah kepada sidang redaksi dan editor yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung bagi menjayakan penerbitan buletin ini. Kejayaan ini adalah satu langkah kecil menuju pencapaian yang lebih besar dan lebih cemerlang di masa hadapan.




Buletin Majlis Perwakilan Pelajar Edisi ke - 9 adalah usaha kerjasama di antara kelab utama di PSAS iaitu Pembimbing Rakan Siwa (PRSP), Rakan Pusat Islam (RAPI) dan Jawatankuasa Kolej Kediaman (JPKK). Buletin ini akan menjadi saksi program program yang telah dijalankan oleh kelab kelab utama tersebut. Segala penglibatan mahasiswa dan mahasiswi sepanjang tahun ini didokumentasikan di dalam buletin ini.

Akhir kata, saya mendoakan semoga semua kelab kelab utama di PSAS berganding bahu dan meneruskan perjuangan membantu pihak pengurusan menjaga kebajikan pelajar dan menjalankan aktiviti aktiviti untuk para pelajar.

Sekian , terima kasih .

MOHD SYAHNAN BIN MD ZAIN
KETUA JABATAN HAL EHWAL PELAJAR
POLITEKNIK SULTAN AZLAN SHAH

# MUTIARA KATA PENASIHAT MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR

## CIK NORDIN BIN NAYAN



Encik Cik Nordin merupakan Pengawai Hal Ehwal Pelajar Politeknik Sultan Azlan Shah dan juga merupakan Penasihat Majlis Perwakilan Pelajar Politeknik Sultan Azlan Shah. Beliau merupakan seorang yang berpegang pada tanggungjawab yang diamanahkan dan mempunyai sifat yang baik hati.

***" Kepimpinan bukan soal kedudukan tetapi tanggungjawab. Jadilah pemimpin yang menyemai inspirasi kepada orang sekeliling. "***

## NOR HIDAYAH BINTI AB WAHAB



Puan Nor Hidayah merupakan Pegawai Psikologi dan juga merupakan Penasihat Majlis Perwakilan Pelajar Politeknik Sultan Azlan Shah. Seorang yang sentiasa bertanya kepada pelajarnya " *awak okay ?* " dan merupakan penasihat yang sentiasa berfikiran positif dan seorang yang ceria.

***" Ilmu dan adab adalah kunci kejayaan. Gabungkan kedua-duanya dan anda akan membina legasi yang dihormati. "***

## MOHD NAZRI BIN DAROS



Encik Nazri merupakan Pensyarah di Jabatan Kejuruteraan Awam dan juga Penasihat Majlis Perwakilan Pelajar Politeknik Sultan Azlan Shah. Seorang yang berdedikasi, prihatin terhadap pelajarnya serta mempunyai ciri seorang *ayah* yang baik dan bertanggungjawab .

***" Setiap cabaran adalah peluang untuk belajar dan berkembang.Jangan takut gagal kerana daripada kegagalan di situ kejayaan mula tercipta. "***

# PENGENALAN
# MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR

## PENGENALAN

Merujuk Rang Undang-Undang Malaysia, di bawah Seksyen 7 Bahagian III, Akta Institusi-Institusi Pelajaran (Tatatertib) 1976 (Akta 174), telah memperuntukkan bahawa sesuatu institusi hendaklah mempunyai suatu Jawatankuasa Perwakilan Pelajar yang diwakili oleh sebilangan pelajar yang ditentukan oleh Ketua Eksekutif atau Pengarah institusi .

## LOGO RASMI MPP

MPP MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR
POLITEKNIK SULTAN AZLAN SHAH

## VISI MPP

Membangunkan potensi pelajar dari aspek pengetahuan, kemahiran teknikal dan insaniah ke arah menjadi modal insan yang beretika dan profesional untuk pembangunan negara .

## MISI MPP

Membentuk modal insan bersahsiah tinggi dan menjadi penggerak utama dalam aspek keilmuan , perpaduan dan kebajikan .

## OBJEKTIF

Antara objektif MPP PSAS ialah :

- Memupuk semangat hidup berpersatuan di kalangan pelajar politeknik .
- Tertakluk kepada arahan Pengarah untuk merancang dan menyelia perihal kebajikan dan kemudahan di PSAS termasuk kemudahan rekreasi, aktiviti kerohanian, keagamaan, bekalan dan penyediaan makanan dan minuman .
- Menyediakan dokumentasi kepada Pengarah tentang segala perkara berhubung atau berkenaan dengan tempat tinggal pelajar-pelajar PSAS .
- Boleh diwakili dari mana-mana kelab dan persatuan mengikut kaedah-kaedah yang ditetapkan HEP .
- Menjalankan apa jua aktiviti yang ditentukan oleh HEP dari semasa ke semasa .

EDISI KE-9



# CARTA ORGANISASI MPP

# CARTA ORGANISASI
# SESI II : 2023/2024



# CARTA ORGANISASI
# SESI I : 2024/2025



EDISI
KE-9

MPP MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR
POLITEKNIK SULTAN AZLAN SHAH

# PROGRAM & AKTIVITI

MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR (MPP)









BULETIN MPP

# MAJLIS PENYAMPAIAN WATIKAH PELANTIKAN MPP PSAS 2024/2025




## 15 Mac 2024 || Dewan Titanium ULPL PSAS

## OBJEKTIF

- Memberikan penghargaan kepada MPP baharu 2024/2025.
- Menjalinkan hubungan yang lebih erat dengan pihak pengurusan PSAS .
- Menyaksikan MPP PSAS yang baharu menguruskan sesuatu program dengan baik.







Majlis Penyampaian Watikah Pelantikan MPP PSAS 2024 telah berlangsung pada 15 Mac 2024 iaitu pada jam 9:00 pagi di Dewan Titanium ULPL, Politeknik Sultan Azlan Shah . Dalam majlis ini juga, Yang Di-Pertua (YDP) , saudara Muhammad Aidid Daniel Bin Mohd Azairi telah mengetuai bacaan ikrar MPP di hadapan pihak pengurusan PSAS bersama kepimpinan baharu MPP PSAS . Majlis ini diadakan bagi memberi pengiktirafan kepada barisan kepimpinan MPP yang baharu dibentuk slepas Pilihan Raya Kampus (PRK) PSAS bagi sesi 2024/2025 . Perasmian majlis telah disempurnakan dengan ucapan Ts. Salhana binti Sahidin@Salehudin, Timbalan Pengarah (Akademik).





**Disediakan oleh :**
**Nur Athirah Amiera Bt. Hafizudin**

# RAMADHAN *FOR PEACE*




## Objektif

- Dapat memupuk semangat kerjasama dalam organisasi MPP
- Mengeratkan hubungan antara organisasi seperti MPP , JPKK , RAPI ,PRSP dan pelajar biasa .
- Dapat mendekatkan diri dengan para pelajar dengan lebih mesra .





Program *Ramadhan For Peace* telah berjalan dengan lancar seperti yang dirancang. Program ini telah berlangsung selama dua hari, terdapat beberapa masalah kecil semasa program seperti hari pertama masalah cuaca iaitu hujan lebat sehingga kami terpaksa pindahkan lokasi gerai ke kafe. Pada hari kedua, masalah pembelian bahan masakan telah terlebih beli menyebabkan bahan tidak habis dimasak dan dijual.




23 & 24 MARCH 2024

**CAFE KAMSIS PSAS**
**3-9 MALAM**

**Disediakan oleh :**
**Anis Syafiqah Binti Mohd Faiz**

# JEMPUTAN BERBUKA PUASA BERSAMA BAGINDA SULTAN PERAK





## OBJEKTIF

- DYMM Sultan Perak Sultan Nazrin Shah berkenan berbuka puasa bersama wakil-wakil media, pertubuhan bukan kerajaan (NGO), sektor korporat, swasta, syarikat milik kerajaan (GLC) dan belia.









Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) PSAS telah mendapat jemputan ke Majlis Berbuka Puasa pada 23 Mac 2024 di Istana Iskandariah, Kuala Kangsar, Perak Darul Ridzuan. Oleh itu, MPP PSAS telah menghantar 4 orang wakil daripada Majlis Tertinggi (MT) MPP.

23 MAC 2024
ISTANA ISKANDAR , KUALA KANGSAR , PERAK

**Disediakan oleh :**
**Syaida Afiqah Binti Sukri Azri**

# HARI BERTEMU PELANGGAN BIL.1

## LATAR BELAKANG

Hari Bertemu Pelanggan adalah satu pendekatan yang holistik dalam menawarkan perkhidmatan melalui interaksi dan perhubungan yang mesra bersama para pelajar - Politeknik Sultan Azlan Shah . Selain itu, Hari Bertemu Pelanggan merupakan platform untuk memberi pandangan dan cadangan bagi menambah baik mutu perkhidmatan di Politeknik Sultan Azlan Shah.









## OBJEKTIF

- Untuk mendapatkan pandangan dan cadangan bagi penambahbaikan serta peningkatan mutu perkhidmatan PSAS .
- Menjalinkan hubungan mesra dengan para pelajar PSAS dan kakitangan.
- Untuk mendapat maklum balas pelanggan tentang pencapaian mutu perkidmatan .





**20 MAC 2024**

**POLITEKNIK SULTAN AZLAN SHAH**

**Disediakan oleh :**
**Muhammad Umar Bin Zainudin**

# MALAM MOREH PSAS

30 MAC 2024

POLITEKNIK SULTAN AZLAN SHAH











**Disediakan oleh :**
**Anis Syafiqah Binti Mohd Faiz**

## OBJEKTIF

- Dapat memupuk semangat kerjasama dalam organisasi MPP.
- Mengeratkan hubungan antara ahli MPP dengan lebih dalam.
- Dapat mendekatkan diri dengan para pelajar dengan lebih mesra.
- Dapat pelajari cara dan gerak kerja dalam sebuah program yang dijalankan.

Program berjalan dengan lancar. Sepanjang berlangsungnya program ini ade beberapa masalah kecil yang timbul. Bajet yang diberikan agak kurang menjadi punca pembelian bahan masakan sedikit menyebabkan *Person-in-charge* (PIC) dan *runner* perlu berulang ke kedai untuk restok bahan. Selain itu ,api dapur agak perlahan dan kecik menyebabkan masakan lambat siap.



# KEM KEPIMPINAN
# MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR

## LATAR BELAKANG

Kem ini dilaksanakan bagi mengeratkan lagi hubungan antara sesama Majlis Perwakilan Pelajar dan menimbulkan rasa kasih sayang antara satu sama lain dengan memberikan komitmen dalam membuat sesuatu pekerjaan .













Objektif program tercapai mengikut yang dirancang. Dalam pada itu, program ini telah berjalan dengan lancar. Cadangan penambahbaikan adalah dengan membuat lebih banyak aktiviti yang melibatkan semua .

## OBJEKTIF

**27-29 APRIL 2024**

**KEM BERNAM NATURE HUT, HULU SELANGOR**

- Mampu menjana hubungan persaudaraan untuk meningkatkan kualiti organisasi MPP.
- Membantu membina kerjasama dan memberikan komitmen yang baik dalam membuat sesuatu kerja.
- Mengeratkan kesefahaman dan silaturrahim antara ahli MPP dan penasihat.

**Disediakan oleh :**
**Muhammad Iskandar Zulqarnain Bin Mohamad Zainal**

# PENANDA ARAS

## POLITEKNIK SULTAN AZLAN SHAH X POLITEKNIK JELI KELANTAN





## LATAR BELAKANG

Program penanda aras ini dibuat kerana ingin mendengar skop kerja daripada MPP Politeknik Jeli Kelantan (PJK) dan menambah baik cara kerja MPP PSAS serta memberikan skop kerja MPP PSAS kepada MPP PJK untuk menambah baik cara mereka menguruskan sesuatu program dan skop kerja mesti exco masing-masing. Melahirkan sikap kerjasama dan toleransi antara PSAS dan politeknik lain yang berada di Malaysia .



## OBJEKTIF

- Memberi penerangan tentang skop kerja mengikut exco yang ada .
- Menerangkan cara untuk mengurus sesuatu program .



- Melahirkan kerjasama dan semangat dalam organisasi antara PSAS dan Politeknik lain di Malaysia .



**2 MEI 2024**

**Bilik Majlis Perwakilan Pelajar**

**Disediakan oleh :**
**Nur Athirah Amiera Bt. Hafizudin**

# KEMPEN DERMA DARAH

**6 MEI 2024** **Dewan Muallim PSAS**









Kempen ini telah dijalankan dengan kerjasama pihak Hospital Slim River, Perak. Kempen ini telah berjalan dengan lancar akan tetapi kurang mendapat sambutan di kalangan pelajar, ia mungkin kerana kempen tersebut dilakukan pada minggu ke-13 kuliah. Selain itu, terdapat beberapa cabaran yang dihadapi sepanjang kempen ini, antaranya seperti dikatakan tadi kurang sambutan di kalangan pelajar dan kesedaran yang rendah tentang kepentingan menderma darah. Untuk mengatasi cabaran ini, beberapa langkah telah diambil seperti meningkatkan usaha promosi melalui media sosial. Secara keseluruhan, Kempen Derma Darah ini telah mengumpul stok darah sebanyak 45 pek darah dan diharapkan dapat membantu ramai pesakit yang memerlukan. Terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dan para penderma yang telah memberikan sokongan penuh terhadap kempen ini.

## OBJEKTIF

- Meningkatkan kesedaran tentang pentingnya menderma darah di kalangan pelajar dan staf Politeknik Sultan Azlan Shah.
- Menggalakkan penyertaan aktif pelajar dan staf dalam proses derma darah bagi membantu memenuhi keperluan darah dalam komuniti.
- Membangunkan sikap kepedulian dan kesedaran sosial di kalangan pelajar dan staf.Mewujudkan budaya derma darah sebagai satu norma di kalangan komuniti Politeknik Sultan Azlan Shah.
- Menyokong program derma darah yang dijalankan oleh pihak berkuasa tempatan dan badan kebajikan untuk membantu pesakit yang memerlukan transfusi darah.






**DISEDIAKAN OLEH :**
**NURUL NAFEESYA ADRYEA BINTI KAMAROL SANI**

# POLITEKNIK SULTAN AZLAN SHAH TOP FOOD FEST

## LATAR BELAKANG

*PSAS Top Food Fest* di adakan selama lima hari dengan pelbagai vendor, memenuhi citarasa tempatan dan antarabangsa. Peserta boleh menikmati makanan yang lazat, menyokong perniagaan yang dikendalikan oleh pelajar dan komuniti luar, berhubung dengan komuniti dan menikmati aktiviti dan peraduan yang menyeronokkan.













## OBJEKTIK

- Membina hubungan dan jaringan yang baik antara pelajar dengan pihak luar.
- Menjalinkan hubungan mesra dengan para pelajar PSAS dan kakitangan.
- Membuka peluang kepada pelajar atau belia, ia boleh menyediakan platformuntuk membangunkan perniagaan dan kemahiran menjual bagi pelajar.
- Untuk mempamerkan pelbagai masakan dan budaya makanan dari wilayahatau negara yang berbeza. Ini boleh menjadi cara yang bagus untukmendedahkan orang ramai dan pelajar kepada perisa dan bahan baharu.

**6-10 MEI 2024**

**PERKARANGAN PARKING MOTOSIKAL POLITEKNIK SULTAN AZLAN SHAH**

**Disediakan oleh :**
**Muhammad Umar Bin Zainudin**

# CLUB DINNER






## OBJEKTIF

- Membantu untuk mengeratkan hubungan antara kelab – kelab utama.
- Mewujudkan nilai kerjasama antara ahli kelab.
- Membantu berkomunikasi dengan satu sama lain dengan baik.







Program berjalan dengan agak baik tetapi masih boleh diperbaikikan dari segi pencerahan info yang diberikan oleh PIC/TPIC. Cadangan penambahbaikan ialah PIC perlu memberi tahu segala penerangan kepada TPIC dahulu supaya TPIC dapat membantu PIC menjalankan program bersama dengan lancar tanpa sebarang konflik sebab suatu program akan berjalan dengan lancar dengan adanya PIC dan TPIC yang mempunyai komunikasi yang baik.

**DISEDIAKAN OLEH :**
**NURALYSIA TASNIM BINTI NOOR AZMI**

# BENGKEL KEPIMPINAN MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR

22-24 JULAI 2024

PURNAMA BEACH RESORT PULAU PANGKOR , PERAK

## LATAR BELAKANG

Bengkel kepimpinan MPP Politeknik Sultan Azlan shah ini diadakan pada 22, 23 & 24 Julai (Isnin-Rabu) yang bertempat di Purnama Beach Resort , Pulau Pangkor , Perak yang dianjurkan oleh Jabatan Hal Ehwal Pelajar (JHEP) berjalan dengan teratur dan lancar.









## OBJEKTIF

- Mempelajari membuat perancangan bagi aktiviti akan datang dalam organisasi.
- Membina rangkaian sosial dan mengeratkan hubungan dalam organisasi.
- Mengetahui jalan kerja dan portfolio untuk setiap program yang dilakukan .

Seramai 31 orang ahli MPP,dua orang penasihat MPP iaitu Puan Hidayah dan Encik Nazri, ketua JHEP Encik Syahnan, wakil JHEP Encik Nordin dan Pegawai Unit Disiplin Puan Fauziah telah terlibat dalam program ini. Perancangan gerak kerja MTS SESI I 2024/2025 juga telah dirancang dengan baik oleh ahli MPP. Pada hari terakhir di Pulau Pangkor, pihak JHEP dan para penasihat telah merancang aktiviti outdoor untuk ahli-ahli MPP iaitu *snorkelling* di sekitar pulau berdekatan. Pada sebelah malam pula sesi curhat telah diadakan diantara exco-exco dan MT MPP. Program selama 3 hari 2 malam berjalan lancar dengan kerjasama dari semua yang terlibat.

**Disediakan oleh :**
**Muhammad Iskandar Zulqarnain Bin Mohamad Zainal**

# MINGGU TRANSFORMASI SISWA SESI 1 2024/2025

29 JULAI - 2 OGOS 2024

POLITEKNIK SULTAN AZLAN SHAH

## LATAR BELAKANG

Minggu Transformasi Siswa (MTS) adalah minggu untuk memberi peluang kepada pelajar memahami dan menyesuaikan diri dengan keadaan kampus Politeknik Sultan Azlan Shah setelah bergelar siswa dan siswi. Dalam masa tersebut juga pelajar akan diberi maklumat penting berkenaan dengan program pengajian yang ditawarkan, halatuju dan kerjaya serta kemudahan yang disediakan sepanjang para pelajar berada di PSAS.







## OBJEKTIF

- Memperkenalkan pelajar kepada pengurusan politeknik.
- Meningkatkan kemahiran sosial pelajar baharu.
- Memperkenalkan persekitaran politeknik kepada pelajar baharu.









**Disediakan oleh :**
**Syaida Afiqah Binti Sukri Azri**

# KEMPEN DERMA DARAH POLITEKNIK SULTAN AZLAN SHAH 2024

## 14 OGOS 2024 || DEWAN MUALLIM , PSAS










Program Derma Darah ini telah dilaksanakan pada 14 Ogos 2024 bertempat di Dewan Muallim, Politeknik Sultan Azlan Shah dan telah berjalan dengan lancar dan teratur. Secara keseluruhan, seramai 18 orang dari Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) serta tiga orang dari Pembimbing Rakan Siswa POLYCC (PRSP) dan seorang Rakan Pusat Islam PSAS (RAPI) telah menjadi Ahli Jawatankuasa bagi Program Derma Darah ini. Sebanyak 110 pek darah yang dapat dikumpul daripada 145 orang peserta pada hari tersebut .

## OBJEKTIF

- Memupuk rasa tanggungjawab para pelajar, pensyarah dan masyarakat tentang kepentingan dalam menjaga kesihatan.
- Menderma darah dapat menggantikan sel-sel darah yang lama lalu mengekalkan kecergasan dan menjadi perderma lebih produktif dalam melakukan aktiviti.



**Disediakan oleh :**
**Muhammad Faiz Asyraff Bin Rosdi**

# TEMUDUGA PENGAMBILAN CALON SAHABAT MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR





## LATAR BELAKANG

Seramai 121 orang calon SMPP telah hadir ke temuduga pengambilan SMPP. Penemuduga pula terdiri daripada ahli MPP sendiri. Temuduga ini telah dijalankan pada dua tarikh yang berbeza iaitu 17 dan 18 OGOS 2024 di Bilik Gerakan MPP. Calon-calon SMPP telah diterangkan dengan jelas fungsi dan tugas SMPP oleh penemuduga yang terlibat. Temuduga ini dijalankan untuk melihat tujuan sebenar mereka itu menunjukkan ke arah yang boleh bekerjasama dan membuat sesuatu kerja dengan niat yang baik tanpa mengharapkan sesuatu daripada orang lain .



## OBJEKTIF

- Menemuduga calon-calon yang layak untuk menjadi Sahabat Majlis Perwakilan Pelajar (SMPP).
- Mewujudkan organisasi yang baik pada masa akan datang .



- Melihat kelebihan yang diluar jangkaan daripada orang yang ditemu duga .



**17-18 OGOS 2024**

**Bilik Majlis Perwakilan Pelajar**

**Disediakan oleh : Anis Aqilah Binti Noor Azhar**

# BONDING SMPP

## LATAR BELAKANG

Program berjalan lancar dengan kerjasama MPP dan ahli-ahli SMPP yang hadir. Program ini telah dijalankan pada tiga tarikh yang berbeza iaitu 28 Ogos, 15 Oktober dan 22 Oktober 2024. Program ini dijalankan untuk melahirkan ahli MPP baharu yang lebih maju dan cekap pada masa akan datang .









Sepanjang program dijalankan MPP dan ahli-ahli SMPP mendapat peluang berkenalan antara satu sama lain. Pendedahan mengenai cara mengendalikan sesuatu program atau aktivti juga diberikan kepada ahli-ahli SMPP. SMPP dapat belajar perkara yang baharu yang perlu diterapkan dalam organisasi dan pendedahan kepada SMPP tentang sifat kasih sayang dan tangungjawab adalah tinggi .

## OBJEKTIK

- Mengeratkan hubungan antara MPP dan ahli SMPP.
- Memberi pendedahan cara mengendalikan sesuatu program atau aktiviti.
- Mewujudkan rasa tanggungjawab dalam diri SMPP semasa menjalankan sesuatu kerja .

**28 OGOS / 15 OKTOBER / 22 OKTOBER 2024**
**POLITEKNIK SULTAN AZLAN SHAH**

**Disediakan oleh :**
**Anis Aqilah Binti Noor Azhar**

# AMBANG KEMERDEKAAN X *NIGHT RUN* MERDEKA X JUALAN MALAM MERDEKA

30 OGOS 2024

POLITEKNIK SULTAN AZLAN SHAH

## LATAR BELAKANG

Pada malam kemerdekaan 30 Ogos 2024 MPP telah berkolaborasi bersama PRSP untuk menjalankan program ini. PRSP telah menjalankan program *Night Run Merdeka* manakala MPP bertanggungjawab untuk menganjurkan Malam Ambang Kemerdekaan dan Jualan Malam Merdeka. Tujuan kolaborasi dilakukan untuk mengeratkan lagi hubungan antara organisasi utama di Politeknik Sultan Azlan Shah .









## OBJEKTIF

- Mengenal pasti persepsi pelajar terhadap tahap perpaduan dan patriotisma dalam kalangan pelajar.
- Mengenal pasti perbezaan persepsi tahap perpaduan dan patriotism dalam kalangan pelajar berdasarkan jantina.
- Melihat hubungan antara tahap perpaduan dengan nilai patriotism dalam kalangan pelajar.
- Mengeratkan hubungan antara semua pelajar Politeknik Sultan Azlan Shah tanpa mengira bangsa dan agama .

Terdapat juga tayangan filem pada malam itu sementara menunggu detik 12 malam.Pada jam 12 malam letupan bunga api mula menerangi kawasan sekitar diiringi laungan 'MERDEKA' diketuai oleh YDP MPP iaitu Aidid dan disahut dengan penuh semangat oleh para pelajar Politeknik Sultan Azlan Shah. Jualan makanan yang dijual oleh ahli MPP mempunyai pelbagai menu dan memeriahi lebih suasana untuk malam itu . Sambutan Kemerdekaan di sambut dengan baik dan berjalan dengan lancar mengikut objektif yang sebenar . Menunjukkan kerjasama yang baik antara MPP dan PRSP ketika menjalankan kolaborasi sesuatu program dan dapat dijadikan contoh untuk masa akan datang kepada generasi yang lain.

**Disediakan oleh :**
**Nuralysia Tasnim Binti Noor Azmi**

# PROGRAM PEMBANGUNAN SAHSIAH DIRI & DISIPLIN

## LATAR BELAKANG

Bertempat di Dewan Muallim Politeknik Sultan Azlan Shah, program ini dianjurkan oleh unit disiplin politeknik dengan kerjasama bersama exco disiplin Majlis Perwakilan Pelajar. Turut terlibat sebagai ahli jawatankuasa bertugas adalah ahli-ahli MPP seramai 28 orang.









Penglibatan pelajar seramai 700 orang berjaya dicatatkan pada malam program tersebut. Turut hadir di program tersebut adalah pengarah, timbalan pengarah, ketua unit disiplin dan dif jemputan. Program berjalan lancar dengan kerjasama dari semua pihak yang terlibat .

**10 SEPTEMBER 2024**
**DEWAN MUALLIM, POLITEKNIK SULTAN AZLAN SHAH**

## OBJEKTIK

- Membentuk nilai-nilai positif seperti kejujuran,tanggungjawab,rasa hormat dan empati .
- Menetapkan matlamat,mematuhi peraturan dan bertindak dengan penuh tanggungjawab terhadap tugas yang diberikan.
- Menghindari tingkah laku negatif seperti penyalahgunaan dadah, perbuatan jenayah dan tindakan tidak bermoral.

**Disediakan oleh :**
**Nurul Hidayah Binti Nor Azmi**

# GERAI MPP SUKSIS

## LATAR BELAKANG

Program ini telah dijalankan selama dua hari iaitu 12 dan 13 Oktober 2024 bersempena program *OCTO FUNDAY FEST* yang dianjurkn oleh JPKK . Semua kelab utama dan setiap blok membuat jualan .








**12-13 OKTOBER 2024**
**GELANGGANG V1**

Seramai empat orang MPP dan sembilan orang SMPP telah terlibat dalam program tersebut. Tujuan mengambil SMPP adalah untuk mengeratkan lagi hubungan dengan ahli MPP yang lain. Pelbagai menu telah disediakan untuk dijual kepada pelanggan iaitu pelajar Politeknik Sultan Azlan Shah .

Menu yang dibuat oleh MPP disambut dengan meriah oleh pelajar dan mencapai target dan objektif program. Program ini merapatkan lebih lagi hubungan antara semua pelajar tanpa mengira bangsa dan agama di sekitar Politeknik Sultan Azlan Shah ini. Program ini memberi banyak memori yang manis dan baik untuk semua orang .

## OBJEKTIF

- Program gerai keusahawanan MPP,boleh menjadi sumber pendapatan tambahan kepada organisasi melalui jualan makanan.
- Organisasi dapat memanfaatkan bakat dan kemahiran AJK dalam menghasilkan makanan yang ingin dijual dan perkhidmatan yang boleh disediakan kepada pelanggan.
- Mengeratkan lebih lagi hubungan antara MPP dan ahli SMPP yang lain.





**Disediakan oleh :**
**Anis Syafiqah Binti Mohd Faiz**

# HARI BERTEMU PELANGGAN SESI II 2024/2025

**16 OKTOBER 2024** **KANTIN POLITEKNIK SULTAN AZLAN SHAH**







Seramai tujuh orang ahli MPP telah terlibat dalam program ini. Turut terlibat bersama adalah Puan Edvina ketua unit komunikasi dan hubungan korporat. Diketuai oleh Nurul Safiyya sebagai pengarah program, program telah berjalan lancar dengan kerjasama yang baik dari AJK, para pelajar dan kakitangan yang datang memeriahkan program. Pelbagai aduan, cadangan, penambahbaikan dan sokongan telah diterima dari semua pihak. Tujuan hari bertemu pelanggan ini dibuat untuk menerima semua aduan, cadangan dari pelajar Politeknik Sultan Azlan Shah untuk penambahbaikan di sekitar PSAS ini. Mendengar suara pelajar dapat mengubah sesuatu yang baharu dan lebih baik untuk PSAS pada masa akan datang.

## OBJEKTIF

- Menerima aduan, cadangan, penambahbaikan dan sokongan dari kalangan pelajar dan kakitangan PSAS.
- Secara keseluruhannya,program dapat berjalan dengan jayanya dengan pertolongan AJK serta kerjasama yang baik dari kalangan peserta.
- Menerima suara pelajar dan membuat penambahbaikan untuk semu aspek .





**DISEDIAKAN OLEH :**
**NURUL SAFIYYA SALIM**

# RAKAMAN VIDEO KORPORAT MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR



## LATAR BELAKANG

Seramai 28 orang ahli MPP telah terlibat dalam rakaman video korporat ini. Pada hari pertama iaitu 19 Oktober 2024 rakaman telah dijalankan di TAMARIND SQUARE, CYBERJAYA. Manakala pada hari kedua pula rakaman mengambil tempat di POLITEKNIK SULTAN AZLAN SHAH. Kerjasama penuh telah diberikan oleh ahli-ahli MPP yang terlibat dikendali oleh YDP MPP, Muhammad Aidid Daniel. Rakaman berdurasi 8 minit 30 saat itu boleh dilihat di media sosial instagram MPPPSAS.





## OBJEKTIF

- Mengenalkan barisan Majlis Perwakilan Pelajar Politeknik Sultan Azlan Shah melalui media.
- Memperkuatkan imej dan reputasi MPP sebagai organisasi yang komited kepada pelajar dan juga masyarakat.
- Meningkatkan semangat pelajar untuk melibatkan diri dalam organisasi .



**19-20 OKTOBER 2024**

**TAMARIND SQUARE,CYBERJAYA & POLITEKNIK SULTAN AZLAN SHAH**

**Disediakan oleh :**
**Muhammad Aidid Daniel Bin Mohd Azairi**

**EDISI KE-9**



# CARTA ORGANISASI JPKK

# CARTA ORGANISASI

## JAWATANKUASA PELAJAR KOLEJ KEDIAMAN

### SESI 2 : 2023 / 2024

POLITEKNIK MALAYSIA SULTAN AZLAN SHAH

JPKK

**PENASIHAT JPKK**
PN. NOORMALA BINTI ABDULLAH

**PENGERUSI**
KHAWARIZMI BIN ROZALI

**TIMBALAN PENGERUSI 1**
MUHAMMAD AMER AIZAM BIN MUZAIDI

**SETIAUSAHA 1**
NIK NURUL RUSYDINA BINTI NIK MOHD RAFIZA

**BENDAHARI 1**
LAILATULNADIM BINTI MOHD ZABANIAH

**TIMBALAN PENGERUSI 2**
NOOR ALIYA NAFISYA BINTI MUHD HALIN

**SETIAUSAHA 2**
AMIR HAKIM BIN KHAIROL

**BENDAHARI 2**
MUHAMMAD AMAR BIN MUHAMMAD SAUFI

**EXCO KESELAMATAN 1**
MUHAMMAD AMIRUL BIN MOHD FADHIR

**TUGAS-TUGAS KHAS 1**
MUHAMMAD FIKRI BIN ESSURADARMA

**PERHUBUNGAN AWAM**
NUR IZZAH BINTI SAIFUL NIZAM

**EXCO KESELAMATAN 2**
NURUL NAJWA BINTI MOHD ZUL ISHAK

**TUGAS -TUGAS KHAS 2**
ANASH SHAHMIN BIN AHMAD FAUZI

**KETUA BLOK V1**
NUR ZULAIKHA NABILA BINTI ZUL

**KETUA BLOK V2**
MUHAMMAD ALIFF SHAFIZY BIN MOHD RIDWAN

**KETUA BLOK V3**
MUHAMMAD FAKHRUL AIMAN BIN MOHD FARIZAL

**PENOLONG KETUA BLOK V1**
ELLISE FAY TINGKULOM

**PENOLONG KETUA BLOK V2**
PUTERA MUHAMMAD IKHFAN BIN NORUL HIZAD

**PENOLONG KETUA BLOK V3**
MUHAMMAD NAJWAN AFIQ BIN ZULFIKAR

**KETUA BLOK V4**
MUHAMMAD AMZAR HAKIMY BIN MOHD ZULFAHMI

**KETUA BLOK V5**
NUR FARIESHA ADRIENA BINTI FAZLIADY

**KETUA BLOK V6**
AINUL AFIQAH BINTI MOHAMMAD SAZLI

**PENOLONG KETUA BLOK V4**
POOVARASAN A/L THIGAYU

**PENOLONG KETUA BLOK V5**
NOOR IZLIANA AMIRA BINTI MOHD AFFANDI

**PENOLONG KETUA BLOK V6**
AMARPREET KAUR A/P GURMEET SINGH

**KETUA BIRO MULTIMEDIA**
NUR AMALIN AISHAH BINTI ZAILAN

**KETUA BIRO KEUSAHAWAN**
AHMAD FARIS BIN AHMAD TARMIZI

**KETUA BIRO 3K**
MUHAMMAD SYAUQI AZIM BIN MOHD SUHAIMI

**BIRO MULTIMEDIA**
NURFARAHANA BINTI ROZAINI

**BIRO KEUSAHAWANAN**
SITI AISHAH BINTI MUHAMMAD NASER

**BIRO 3K**
AMNI NAFEESHA BINTI SHARIFUDDIN

**BIRO MULTIMEDIA**
NUHAMMAD HAKIM BIN HASROL

**BIRO KEUSAHAWANAN**
NUR HUMAYRA BINTI HISHAMLY

**BIRO 3K**
SHARIFAH AIMI NAJMA BINTI SYED AZLAN

**BIRO MULTIMEDIA**
AMNI NUR BALQIS BINTI MUHAMMAD RASDI

**BIRO KEUSAHAWANAN**
MUHAMMAD NAZMI HAZIQ BIN KHAIRIL ANWAR

**BIRO 3K**
MUHAMMAD FIRDAUS BIN MOHD YUSOF

**BIRO MULTIMEDIA**
ZULQARNAIN LUQMAN BIN MOHD HELMI

**BIRO KEUSAHAWAN**
NURUL FARANISA BINTI MOHD ROZI

**BIRO 3K**
NURIN WAJ
SAHRUL



**KETUA BIRO DISIPLIN**
**VIKNESWARY A/P**
**SURINARAYANAN**



**BIRO DISIPLIN**
**NOOR EZAD ISKANDAR**
**BIN NOORAZLAN**



**BIRO DISIPLIN**
**NUR SAKINAH QISTINA**
**BINTI TAJUL ARUS**



**BIRO DISIPLIN**
**HARPREET SINGH A/L**
**SALINDER SINGH**



**KETUA BIRO SUKAN**
**NURUL WAHIDAH BINTI**
**MOHD WAZIR**



**BIRO SUKAN**
**SAIDATUL SYUHADA**
**BINTI SYAHIZAM**



**BIRO SUKAN**
**MOHAMED IZATT IZUDDIN**
**BIN ROSLAN**

EDISI
KE-9

# PROGRAM & AKTIVITI

## JAWATANKUASA PELAJAR KOLEJ KEDIAMAN (JPKK)







BULETIN
MPP

# PAKK PRIHATIN UPSI X PSAS

## LATAR BELAKANG

Program ini dilaksanakan adalah dari perbincangan daripada pihak UPSI dan kerjasama ahli JPKK bagi melakukan ikatan persaudaraan. Program ini telah melantik beberapa jawatankuasa bagi membantu menjayakannya.









Objektif program tercapai mengikut yang dirancang. Dalam pada itu program ini telah berjalan dengan lancar. Cadangan penambahbaikan adalah dengan merancang program dengan lebih awal bagi menambah penglibatan pelajar.

**17 FEBRUARI 2024**

**GELANGGANG KOLEJ ZA'BA UPSI**

## OBJEKTIK

- Mampu menjana hubungan persaudaraan untuk meningkatkan kualiti organisasi JPKK dan pelajar DPAKK.
- Membantu membina kerjasama dan sosial di kalangan pelajar.
- Mengeratkan kesefahaman dan silatulraim antara ahli JPKK dan pensyarah.

**Disediakan oleh :**
**Nik Nurul Rusydina Binti Nik Mohd Rafiza**

# FIREDRILL

## LATAR BELAKANG

Program ini diadakan untuk mendedahkan keadaan sebenar serta langkah keselamatan bersama bomba jika berlakunya kecemasan seperti kebakaran.

Latihan ini bertujuan untuk melatih pelajar Politeknik Sultan Azlan Shah di kamsis untuk melindungi diri jika berlaku kebakaran. Program ini juga untuk memberi ilmu penggunaan fire extinguisher adalah penting untuk menjamin keselamatan.





## OBJEKTIF

- Mendedahkan kepada peserta berkenaan dengan cara menggunakan alat pemadam api.
- Mendedahkan kepada peserta berkenaan tindakan yang perlu diambil jika penggera keselamatan dibunyikan.
- Memberikan kesedaran kepada peserta tentang aspek keselamatan didalam blok banggunan kolej kediaman dan sekiranya berlaku sebarang kecemasan.







Program berjalan dengan lancar. Cadangan penambahbaikan adalah dengan memberi banyak lagi pendedahan keselamatan di dalam kamsis bukan hanya cara memadam api.

**24 FEBRUARI 2024**

**KOLEJ KEDIAMAN PELAJAR**

**Disediakan oleh :**
**Nik Nurul Rusydina Binti Nik Mohd Rafiza**

# RAMADHAN FOR PEACE



## LATAR BELAKANG

Program *Ramadhan For Peace* ini dianjurkan bertujuan untuk memeriahkan lagi suasana kamsis. Selain itu, program ini juga dapat mengeratkan lagi hubungan perpaduan diantara pelajar serta mengasah bakat mereka di dalam acara yang akan dilaksanakan pada hari berkenaan. Banyak aktiviti yang akan dianjurkan antaranya jualan gerai dari setiap organisasi yang akan dijalankan pada hari tersebut.



## OBJEKTIF

- Program ini dijalan bagi memeriahkan suasana kamsis semasa bulan ramadhan dan dapat menjana peruntukan untuk JPKK .



Kesemua ahli jawatan kuasa memberi kerjasama yang baik dalam mempersiapkan semua perkara dan mendengar arahan dan taklimat dengan fokus dari awal sampai akhir program. Selain itu, program ini juga dapat mengeratkan ukhwah para ahli Jawatankuasa Pelajar Kolej Kediaman (JPKK) yang baharu dalam menjalankan tugas dan juga dengan para ahli ahli daripada organisasi lain. Program ini berjalan dengan lancar seperti mana yang diperbincangkan bersama ahli-ahli JPKK.



**23 & 24 MAC 2024**

**CAFE KAMSIS PSAS**
**3-9 MALAM**

**Disediakan oleh :**
**Nik Nurul Rusydina Binti Nik Mohd Rafiza**

# THE INQUIRY NIGHT

16 MEI 2024

DEWAN MUALIM PSAS

## LATAR BELAKANG

Program ini di adakan bagi mengenalkan para warden, penyelia kamsis serta ahli jawatankuasa kolej kediaman JPKK PSAS kepada pelajar kamsis. dan juga program ini bertujuan untuk mengalu-alukan kedatangan pelajar baru ke Politeknik Sultan Azlan Shah. Kami juga berusaha bagi mengeratkan hubungan silaturahim antara pelajar dengan pihak felo kolej kediaman.









## OBJEKTIF

- Membentangkan penerangan unit pengurusan asrama yang lebih teliti.
- Menghidupkan hubungan silaturahim antara pelajar dan felo-felo kolej kediaman serta menyemai sikap perpaduan sesama pelajar.
